

AMALAN KEUSAHAWANAN SOSIAL ISLAM
DALAM KALANGAN USAHAWAN: KAJIAN
TERHADAP USAHAWAN SOSIAL BERJAYA
MUSLIM DI MALAYSIA

MOHD ADIB BIN ABD MUIN

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
2017



**Amalan Keusahawanan Sosial Islam Dalam Kalangan
Usahawan: Kajian Terhadap Usahawan Sosial Berjaya
Muslim Di Malaysia**

oleh

**MOHD ADIB BIN ABD MUIB
(1343311024)**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah di dalam bidang Keusahawanan Sosial

**Pusat Pengajian Pembangunan Insan Dan Teknokomunikasi
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

2017

**DECLARATION OF THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

DECLARATION OF THESIS FORM

Author's full name : MOHD ADIB BIN ABD MUIN
Date of birth : 30/10/1987
Title : AMALAN KEUSAHAWANAN SOSIAL ISLAM DALAM KALANGAN
USAHAWAN: KAJIAN TERHADAP USAHAWAN SOSIAL BERJAYA
MUSLIM DI MALAYSIA.
Academic Session : 2017 / 2018

I hereby declare that the thesis becomes the property of Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) and to be placed at the library of UniMAP. This thesis is classified as:

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
 OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hard copy or on-line open access (full text)

I, the author, give permission to the UniMAP to reproduce this thesis in whole or in part for the purpose of research or academic exchange only (except during a period of _____ years, if so requested above).

Certified by:

SIGNATURE

SIGNATURE OF SUPERVISOR

871030-08-5193
(NEW IC NO. / PASSPORT NO.)

DR. HJ. SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH
NAME OF SUPERVISOR

Date: _____

Date: _____

NOTES : * If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Doktor Falsafah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia-penyelia saya atau, jika ketiadaan mereka, Dekan Penyelidikan Pasca Siswazah, diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan keserjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang bentuk penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan sama sekali kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada penulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam sebarang kegunaan keserjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan, Pusat Penyelidikan Pasca Siswazah
Universiti Malaysia Perlis
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya tesis ini telah dapat disempurnakan. Tanpa izinNya pasti semua perancangan sepanjang pengajian ini tidak akan terlaksana. Sesungguhnya tempoh pengajian yang panjang dalam usaha menyiapkan tesis ini telah mendapat bantuan serta sokongan yang tidak terhingga daripada kedua-dua penyelia iaitu Dr. Hj. Shuhairimi Abdullah dan Prof. Madya. Dr. Azizan Bahari. Segala bentuk tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, perkongsian ilmu dan pengalaman telah banyak membantu usaha menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia yang tidak jemu menerima pelbagai karenah penyidik. Selain itu, ucapan terima kasih juga diberikan kepada para usahawan sosial berjaya Muslim (USBM), pakar akademik, agamawan dan profesional, pihak MARA dan juga para pensyarah serta pihak-pihak lain yang terlibat dalam memberi kerjasama kepada penyidik bagi menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (IKOM), Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Perpustakaan Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan juga Perpustakaan Universiti Malaya (UM) yang telah membantu penyidik mendapatkan bahan-bahan rujukan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Setinggi penghargaan dan penghormatan kepada anggota keluarga yang sentiasa berdoa, memberi sokongan dan galakkan terutamanya buat isteri tersayang Dr. Azizah dan anak

tercinta Husnul Khotimah. Tidak lupa kepada ibu dan ayah tercinta Rohani bt Hj. Mohamed dan Abd Muin bin Hj. Hashim yang sentiasa mendoakan dan memberi semangat sepanjang penyelidik menyiapkan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada abang dan adik-adik (Mohd Yazid, Nur Fatin, Muhammad Hanip, Muhammad Itthizam dan Muhammad Ilham) yang sentiasa mendoakan dan memberikan kata-kata semangat kepada penyelidik semasa penyelidik menjalankan kajian ini.

Akhir sekali kepada semua guru yang telah mendidik penyelidik dari dahulu sehingga kini serta rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan, ribuan terima kasih diucapkan. Semoga segala usaha yang dicurahkan ini mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT jua serta dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkaitan.

MOHD ADIB BIN ABD MUIN
07 Mei 2017/ 10 Syaaban 1438H
Changlun, Kedah.

SENARAI KANDUNGAN

| | MUKA SURAT |
|------------------------------------|--------------|
| DECLARATION OF THESIS FORM | i |
| KEBENARAN MENGGUNA | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| SENARAI KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| ABSTRAK | xvii |
| ABSTRACT | xviii |
| | |
| BAB 1: PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 17 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 24 |
| 1.5 Objektif Kajian | 25 |
| 1.6 Justifikasi Kajian | 27 |
| 1.7 Skop Kajian | 30 |
| 1.8 Definisi Istilah | 31 |
| 1.8.1 Amalan | 31 |
| 1.8.2 <i>Al-Maqasid al-Syariah</i> | 34 |
| 1.8.3 <i>Al-Falah</i> | 43 |
| 1.8.4 Keusahawanan Sosial | 46 |

| | |
|---|-----------|
| 1.8.5 Keusahawanan Sosial Islam (KSI) | 48 |
| 1.8.6 Usahawan Sosial Berjaya Muslim (USBM) | 53 |
| 1.9 Kerangka Konseptual Kajian | 55 |
| 1.10 Organisasi Tesis | 55 |
| 1.11 Rumusan | 59 |
| BAB 2: ULASAN KARYA | 60 |
| 2.1 Pengenalan | 60 |
| 2.2 Keusahawanan | 60 |
| 2.3 Konsep Keusahawanan Sosial | 63 |
| 2.3.1 Isu-Isu Pelaksanaan Keusahawanan Sosial dalam kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim (USBM) | 74 |
| 2.3.2 Dimensi Usahawan Sosial | 79 |
| 2.3.3 Perbandingan Usahawan Perniagaan dan Usahawan Sosial | 81 |
| 2.3.4 Faktor-faktor Penglibatan Usahawan Sosial Berjaya Muslim dalam Aktiviti Keusahawanan Sosial | 83 |
| 2.3.5 Implikasi Amalan yang Dipraktikkan oleh Usahawan Sosial Berjaya Muslim Bertepatan dengan Amalan Keusahawanan Sosial | 86 |
| 2.3.6 Model Keusahawanan Sosial | 88 |
| 2.4 Rumusan | 91 |
| BAB 3: KEUSAHAWANAN SOSIAL ISLAM | 92 |
| 3.1 Pengenalan | 92 |
| 3.2 Kerangka Islam Sebagai Asas Dalam Keusahawanan Sosial | 92 |
| 3.2.1 Akidah | 93 |
| 3.2.2 Syariah | 95 |

| | |
|---|-----|
| 3.2.3 Akhlak | 97 |
| 3.3 Konsep Keusahawanan Islam | 102 |
| 3.4 Konsep Keusahawanan Sosial Islam | 106 |
| 3.4.1 Usahawan Sosial daripada Perspektif Islam | 111 |
| 3.4.2 Usahawan Sosial Berjaya Muslim daripada Perspektif Islam | 113 |
| 3.4.3 Objektif Keusahawanan Sosial Islam | 114 |
| 3.4.3.1 Konsep <i>Khalifah</i> | 114 |
| 3.4.3.2 Konsep Persaudaraan | 116 |
| 3.4.3.3 Konsep Jihad Ekonomi | 117 |
| 3.4.3.4 Konsep Keadilan dan Keseimbangan | 119 |
| 3.4.3.5 Konsep Memenuhi Keperluan Sosial Masyarakat | 121 |
| 3.4.3.6 Konsep Membangun dan Meningkatkan Nilai Sosial Pemberi | 122 |
| 3.4.3.7 Konsep <i>al-Falah</i> | 122 |
| 3.4.3.8 Konsep Menyuruh Kepada Kebaikan dan Mencegah Kepada Kemungkaran (<i>Amar Makruf wa Nahi Munkar</i>) | 123 |
| 3.4.3.9 Konsep Jaminan Sosial | 124 |
| 3.4.3.10 Konsep Peningkatan Ekonomi Ummah | 129 |
| 3.4.3.11 Konsep Zakat dan Wakaf | 130 |
| 3.4.3.12 Konsep Sedekah dan Barakah | 133 |
| 3.4.3.13 Konsep Berdoa, Solat Hajat dan Sentiasa Hadir ke Masjid | 134 |
| 3.4.4 Dimensi Konsep Keusahawanan Sosial Islam | 137 |
| 3.4.4.1 Beriman | 137 |
| 3.4.4.2 Bertakwa | 142 |
| 3.4.4.3 Mempunyai Sifat-Sifat Terpuji (<i>Mahmudah</i>) | 144 |

| | |
|---|------------|
| 3.4.4.4 Ihsan | 154 |
| 3.4.5 Model Keusahawanan Sosial Islam | 155 |
| 3.5 Rumusan | 159 |
| BAB 4: METODOLOGI KAJIAN | 161 |
| 4.1 Pengenalan | 161 |
| 4.2 Konsep Pendekatan Kualitatif | 163 |
| 4.2.1 Kaedah Deduktif | 169 |
| 4.2.2 Kaedah Induktif | 169 |
| 4.3 Kerangka Konsep Kajian | 170 |
| 4.4 Reka Bentuk Kajian | 176 |
| 4.5 Pendekatan Kajian Kes | 182 |
| 4.6 Sampel Kajian Kualitatif | 184 |
| 4.7 Instrumen Kajian | 185 |
| 4.7.1 Tahap Pengetahuan Partisipan | 186 |
| 4.8 Partisipan Kajian | 186 |
| 4.9 Lokasi Kajian | 191 |
| 4.10 Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data | 191 |
| 4.10.1 Pembentukan Soalan dan Ujian Rintis | 193 |
| 4.10.2 Kaedah Pengumpulan Data | 193 |
| 4.10.2.1 Pengumpulan Data Primer | 194 |
| 4.10.2.2 Pengumpulan Data Sekunder | 194 |
| 4.10.2.3 Proses Temu Bual | 194 |
| 4.10.2.3.1 Temu Bual Semi Berstruktur | 196 |
| 4.10.2.3.2 Temu Bual Tidak Berstruktur | 199 |
| 4.11 Kaedah Analisis Data | 200 |

| | |
|--|------------|
| 4.12 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian | 208 |
| 4.12.1 Kaedah Kesahan (<i>Validity</i>) Dalam Kajian | 209 |
| 4.12.2 Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>) | 213 |
| 4.13 Kerangka Pelaksanaan Kajian Penyelidikan | 215 |
| 4.14 Rumusan | 217 |
| BAB 5: PERBINCANGAN DAN ANALISIS HASIL KAJIAN | 218 |
| 5.1 Pengenalan | 218 |
| 5.2 Deskripsi kajian | 219 |
| 5.3 Objektif Pertama: Mengkaji Konsep Keusahawanan Sosial Menurut Perspektif Islam | 227 |
| 5.4 Objektif Kedua: Mengenal Pasti Keusahawanan Sosial Islam Yang Dilaksanakan Dalam Kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim Di Malaysia | 242 |
| 5.5 Objektif Ketiga: Mengenal Pasti Implikasi Amalan Yang Dipraktikkan Bertepatan Dengan Amalan Keusahawanan Sosial Islam | 255 |
| 5.6 Objektif Keempat: Meneroka Faktor-Faktor Penglibatan Usahawan Sosial Berjaya Muslim Dalam Aktiviti Keusahawanan Sosial Islam Serta Cabaran Yang Dihadapi | 265 |
| 5.7 Objektif Kelima: Membentuk Model Keusahawanan Sosial Berdasarkan Perspektif Islam | 269 |
| 5.8 Rumusan | 276 |
| BAB 6: KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP | 278 |
| 6.1 Pengenalan | 278 |
| 6.2 Gambaran Ringkasan Kajian | 278 |
| 6.3 Penemuan Utama Kajian | 282 |
| 6.4 Perbincangan Kajian | 288 |

| | |
|--|------------|
| 6.4.1 Konsep Keusahawanan Sosial Menurut Perspektif Islam | 289 |
| 6.4.2 Pelaksanaan Keusahawanan Sosial Islam Dalam Kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim di Malaysia | 290 |
| 6.4.3 Implikasi Amalan yang Dipraktikkan Bertepatan Dengan Amalan Keusahawanan Sosial Islam | 291 |
| 6.4.4 Faktor-Faktor yang Mendorong Penglibatan Usahawan Sosial Berjaya Muslim | 292 |
| 6.4.5 Model Keusahawanan Sosial Islam | 293 |
| 6.5 Rumusan Dapatan Kajian | 293 |
| 6.6 Implikasi Kajian | 294 |
| 6.6.1 Implikasi Akademik | 295 |
| 6.6.2 Implikasi Pengurusan | 297 |
| 6.7 Cadangan Kajian Masa Hadapan | 299 |
| 6.7.1 Cadangan Untuk Penyelidikan | 299 |
| 6.7.2 Cadangan Untuk Kerajaan | 302 |
| 6.7.3 Cadangan Untuk Istitusi Yang Terlibat Dengan Keusahawanan | 303 |
| 6.7.4 Cadangan Untuk Usahawan | 304 |
| 6.8 Penutup | 305 |
| RUJUKAN | 307 |
| LAMPIRAN | 331 |
| Lampiran A | 331 |
| Lampiran B | 335 |
| Lampiran C | 337 |
| Lampiran D | 338 |
| Lampiran E | 339 |
| Lampiran F | 339 |

| | |
|---------------------------|------------|
| Lampiran G | 339 |
| SENARAI PENERBITAN | 343 |
| SENARAI ANUGERAH | 346 |

©This item is protected by original copyright

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

| | |
|---|-----|
| Jadual 1.1:Perbandingan Keusahawanan dan Keusahawanan Sosial | 50 |
| Jadual 1.2: Perbandingan antara Keusahawanan Sosial dan Keusahawanan Sosial Islam | 51 |
| Jadual 2.1:Ringkasan Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Definisi Keusahawanan Sosial | 71 |
| Jadual 2.2: Ringkasan Kajian-Kajian Lepas | 75 |
| Jadual 2.3: Perbandingan Antara Usahawan Perniagaan dan Usahawan Sosial | 82 |
| Jadual 4.1: Profil Partisipan | 189 |
| Jadual 5.1: Latar Belakang Partisipan Usahawan | 220 |
| Jadual 5.2: Latar Belakang Partisipan Akademik dan Agamawan | 222 |
| Jadual 5.3: Penanda Aras Amalan Keusahawanan Sosial Islam (KSI) | 223 |
| Jadual 5.4: Dapatan Kajian Bagi Objektif Pertama | 228 |
| Jadual 5.5: Dapatan Temu Bual Penerimaan Konsep Keusahawanan Sosial Islam | 235 |
| Jadual 5.6: Dapatan Temu bual Dimensi Keusahawanan Sosial Islam | 237 |
| Jadual 5.7: Objektif Keusahawanan Sosial Islam | 240 |
| Jadual 5.8: Dapatan Kajian Bagi Objektif Kedua | 243 |
| Jadual 5.9: Panduan Perlaksanaan Amalan Keusahawanan Sosial Islam | 251 |
| Jadual 5.10: Amalan Usahawan Sosial Berjaya Muslim | 254 |
| Jadual 5.11: Dapatan Kajian Bagi Objektif Ketiga. | 256 |
| Jadual 5.12: Implikasi Amalan Keusahawanan Sosial Islam | 263 |
| Jadual 5.13: Dapatan Kajian Bagi Objektif Keempat | 266 |
| Jadual 5.14: Faktor Penglibatan Usahawan Sosial Berjaya Muslim | 268 |
| Jadual 5.15: Dapatan Kajian Bagi Objektif Kelima | 270 |
| Jadual 5.16: Pembentukan Model Keusahawanan Sosial Islam. | 273 |

SENARAI RAJAH

| | MUKA SURAT |
|--|------------|
| Rajah 1:1: Pernyataan Masalah dan Jurang (<i>Gap</i>) Kajian. | 23 |
| Rajah 1:2: Kerangka Konseptual Kajian Penyelidikan | 58 |
| Rajah 2.1: Model Pelbagai Dimensi Terbatas Keusahawanan Sosial | 89 |
| Rajah 2.2: Model Kerangka Konsep Keusahawanan Sosial | 90 |
| Rajah 3:1: Kerangka Islam Sebagai Asas dalam Diri Individu Usahawan Sosial Berjaya Muslim | 101 |
| Rajah 3:2: Konsep Keusahawanan Sosial Islam | 136 |
| Rajah 3.3: Sifat-sifat Terpuji (<i>Mahmudah</i>) Yang Perlu Ada Dalam Diri Usahawan Sosial Berjaya Muslim. | 153 |
| Rajah 3.4: Dimensi Keusahawanan Sosial Islam | 155 |
| Rajah 3:5: Model Keusahawanan Sosial Untuk Usahawan Sosial Muslim | 156 |
| Rajah 3:6: Model Keusahawanan Sosial Islam. | 157 |
| Rajah 3:7: Model Keusahawanan Sosial Islam dalam Memperkasakan Perusahaan Kecil dan Sederhana | 158 |
| Rajah 4:1: Kerangka Kerja Asas Konseptual Kajian. | 175 |
| Rajah 4:2: Reka Bentuk Kajian Kualitatif yang Akan Dijalankan | 181 |
| Rajah 4.3: Partisipan Kajian | 188 |
| Rajah 4.4: Kerangka Kaedah Triangulasi Kajian | 213 |
| Rajah 4:5: Kerangka Pelaksanaan Kajian Penyelidikan | 215 |
| Rajah 5:1: Konsep dan Dimensi Keusahawanan Sosial Islam dalam Kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim | 242 |
| Rajah 5.2: Pelaksanaan Amalan Keusahawanan Sosial Islam dalam Kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim. | 255 |
| Rajah 5.3: Kesan Implikasi Amalan Keusahawanan Sosial Islam dalam Kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim | 265 |

Rajah 5.4: Faktor-Faktor Penglibatan Usahawan Sosial Berjaya Muslim Di Malaysia 269

Rajah 5.5: Model Amalan Keusahawanan Sosial Islam dalam Kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim 275

©This item is protected by original copyright

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|--------|---|---|
| Cet. | - | Cetakan |
| DEB | - | Dasar Ekonomi Baru |
| DPN | - | Dasar Pembangunan Nasional |
| DWN | - | Dasar Wawasan Negara |
| Ed. | - | Editor |
| INSKEN | - | Institut Keusahawanan Negara |
| ISE | - | Islamic Social Entrepreneurship |
| Jil. | - | Jilid |
| KPLBDW | - | Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah |
| KSI | - | Keusahawanan Sosial Islam |
| KS | - | Keusahawanan Sosial |
| MARA | - | Majlis Amanah Rakyat |
| OKU | - | Orang Kelainan Upaya |
| PNB | - | Perbadanan Nasional Berhad |
| PUNB | - | Perbadanan Usahawan Nasional Berhad |
| r.a. | - | <i>RadiAllah u anhu</i> |
| RPWP | - | Rumah Pengasih Warga Prihatin |
| RMK-10 | - | Rancangan Malaysia Ke-10 |
| SAW. | - | <i>SallAllah u `alaihi wa sallam</i> |
| SMSE | - | Successful Muslim Social Entrepreneurs |
| SWT | - | <i>Subhanahu wa Ta'ala</i> |
| TEB | - | Tabung Ekonomi Belia |
| t.t. | - | Tanpa tarikh |
| terj. | - | Terjemahan |

| | | |
|--------|---|--|
| TEKUN | - | Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga |
| USBM | - | Usahawan Sosial Berjaya Muslim |
| UIAM | - | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| UUM | - | Universiti Utara Malaysia |
| UM | - | Universiti Malaya |
| UMK | - | Universiti Malaysia Kelantan |
| UniMAP | - | Universiti Malaysia Perlis |
| UITM | - | Universiti Teknologi Mara |

©This item is protected by original copyright

Amalan Keusahawanan Sosial Islam Dalam Kalangan Usahawan: Kajian Terhadap Usahawan Sosial Berjaya Muslim Di Malaysia

ABSTRAK

Terdapat satu keperluan yang jelas untuk mengkaji amalan keusahawanan sosial Islam (KSI) dalam kalangan usahawan sosial berjaya Muslim (USBM) di Malaysia, namun usaha penyelidikan mengenainya adalah minima. Salah satu amalannya adalah melakukan aktiviti kebajikan terhadap masyarakat melalui keuntungan hasil daripada aktiviti keusahawanan yang dilakukan berdasarkan matlamat visi dan misi sosial. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak khusus kepada mereka dalam bentuk model dan konsep yang boleh memberikan panduan jelas untuk meningkatkan lagi amalan tersebut sehingga bertepatan dengan kehendak *al-Maqasid al-Syariah*. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan model reka bentuk konseptual KSI terhadap amalan yang dilaksanakan oleh USBM. Lima objektif khusus telah dibentuk: (i) Mengkaji konsep keusahawanan sosial menurut perspektif Islam; (ii) Mengenalpasti KSI yang dilaksanakan dalam kalangan USBM di Malaysia; (iii) Mengenalpasti implikasi amalan yang dipraktikkan bertepatan dengan amalan KSI; (iv) Meneroka faktor-faktor penglibatan USBM dalam aktiviti KSI serta cabaran yang dihadapi; (v) Membentuk model keusahawanan sosial berdasarkan perspektif Islam. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kes, analisis kandungan, analisis perbandingan, kaedah pakar perundingan dan temu bual untuk mencapai objektif (i), (ii), (iii), (iv) dan (v). Kajian ini mengenalpasti 13 konsep KSI yang perlu diterapkan dalam diri USBM iaitu: konsep khalifah, konsep persaudaraan, konsep jihad ekonomi, konsep keadilan dan keseimbangan, konsep memenuhi keperluan sosial masyarakat, konsep membangun dan meningkatkan nilai sosial pemberi, konsep *al-falah*, konsep menyuruh kepada kebaikan dan mencegah keburukan (*amar makruf wa nahi munkar*), konsep jaminan sosial, konsep peningkatan ekonomi ummah, konsep zakat dan wakaf, konsep sedekah dan barakah dan yang terakhir konsep berdoa, solat hajat dan sentiasa hadir ke masjid. Dimensi KSI juga telah dikenalpasti iaitu: beriman, bertakwa, mempunyai sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) dan ihsan. Secara keseluruhannya, 13 orang partisipan yang terdiri daripada lapan orang USBM dan lima orang pakar yang mempunyai latar belakang akademik dan agama terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak lima (5) buah tema dan 30 subtema untuk USBM dan ahli akademik telah berjaya dianalisis berdasarkan lima objektif kajian. Kajian mendapati bahawa kesemua tema dan subtema tersebut memberikan maklumat bahawa amalan KSI ini sangat penting dipraktikkan oleh golongan USBM kerana selari dengan *al-Maqasid al-Syariah* dan mencapai objektif utama iaitu mendapatkan keredhaan dan keberkatan Allah SWT di dunia dan akhirat. Oleh itu, model KSI merupakan sumbangan utama kajian dan boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada para USBM terutamanya usahawan novis.

Kata kunci: *Amalan, Keusahawanan Sosial Islam, Usahawan Sosial Berjaya Muslim, al-Maqasid al-Syariah*

The Practice of Islamic Social Entrepreneurship Among Entrepreneurs: A Study on Successful Muslim Social Entrepreneur in Malaysia

ABSTRACT

Since research effort in the area is minimal, there is a clear need to examine the practice of Islamic social entrepreneurship (ISE) among successful Muslim social entrepreneurs (SMSE) in Malaysia. One such practice is to organize charitable activities to benefit the community through the gains made from entrepreneurial activities that are based on social mission and vision. However, the studies are not specific to models and concepts that could provide clear guidance to further enhance these practices so that they coincide with the spirit of *al-Maqasid al-Syariah*. Hence, this study focuses on the development of a conceptual model of ISE derived from the practices of SMSE. For this study, five (5) specific objectives were drawn up, namely: (i) to review the concept of social entrepreneurship from Islamic perspective, (ii) to identify the Islamic social entrepreneurship practiced among successful Muslim social entrepreneurs in Malaysia, (iii) to identify the implications of the practice in accordance with the Islamic perspective of social entrepreneurship, (iv) to explore the factors surrounding the involvement of successful Muslim social entrepreneurs in the activities of social entrepreneurship and their challenges, and (v) to build a model of social entrepreneurship that is based on Islamic perspective. Research methods employed in the study are case study, content analysis, comparative analysis, expert consultation, and interviews which would help to achieve all the objectives outlined. The study identified 13 concepts of ISE that need to be inculcated among SMSE, namely, the concepts of the caliphate (*Khalifah*), fraternity, economic *jihad*, fairness and balance, meeting the social needs of society, developing and improving the social value of the giver (contributor), *al-Falah*, enjoining good and forbidding evil (*Amar Makruf wa Nahi Munkar*), social security, the enhancement of the economy of the *ummah*, *zakat* and *waqf*, charity and *baraqah*, and *doa*, prayers and regular attendance of the mosque. The ISE dimensions have also been identified: faith (*iman*), *taqwa*, possessing admirable qualities (*mahmudah*) and *ihsan* (kindness). Overall, 13 participants constituting eight SMSE and five experts with religious academic backgrounds participated in the study. The results showed that a total of five themes and 30 sub-themes for the SMSE and the academic experts have been successfully analyzed based on the five research objectives. The study found that all themes and sub-themes point to the importance of ISE be practiced by the SMSE. This is because it is in line with the *al-Maqasid al-Syariah* and meeting the ultimate quest of approval and blessings of Allah SWT in this world and the hereafter. Thus, the model of ISE is the major contribution of the study which could serve as guidelines for SMSE, particularly young entrepreneurs.

Keywords: *Practices, Islamic Social Entrepreneurship, Successful Muslim Social Entrepreneurs, al-Maqasid al-Syariah*

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sebagai pengenalan bab pertama ini akan menekankan tentang latar belakang kajian yang akan dibuat, seterusnya pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, justifikasi kajian, skop kajian, definisi operasional kajian, kerangka konseptual kajian, organisasi kajian dan penutup.

1.2 Latar Belakang Kajian

Ibadah yang dilakukan oleh manusia tidak terhad kepada ibadah sembahyang lima kali sehari semalam, berpuasa, mengeluarkan zakat dan lain-lain ibadah khusus, bahkan juga merangkumi segala aspek penghidupan manusia termasuk perhubungannya dengan Allah SWT, dengan manusia dan dengan alam. Ibadah juga menganjurkan umatnya supaya tidak meletakkan kehidupan duniawi sebagai tujuan hidup yang utama. Malah kehidupan dunia yang sementara ini hanya di jadikan sebagai jambatan kepada kehidupan di akhirat (Adnan Alias & Mohamed Dahlan Ibrahim, 2002). Seperti firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud:

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah SWT kepada mu (untuk kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah SWT telah berbuat baik kepadamu. Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi, kerana sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan”.
(Terjemahan surah al-Qasas, 28:77)

Menurut tafsiran Ibnu Kathir (1301-1373), ayat tersebut menjelaskan tentang penggunaan harta yang melimpah ruah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT dijadikan sebagai bekal untuk hari akhirat, dan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mengerjakan pelbagai amal ibadah kepadaNya serta memperoleh ganjaran pahala di dunia dan akhirat.

Bidang keusahawanan telah diiktiraf oleh semua pihak sebagai bidang yang dapat memberi sumbangan aktif yang produktif dan positif kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara dan membantu mengurangkan masalah pengangguran dan masalah sosial (Jumaat *et al.* 2004; Syarina 2006; Boyle 2007; Baron & Shane 2009; Frederick *et al.* 2013; Armanurah, 2014). Ini adalah kerana, bidang keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suatu ruang dan peluang perniagaan yang baharu kepada perniagaan sedia ada. Sehubungan itu negara yang mempunyai ramai usahawan yang kreatif dan inovasi adalah negara yang lebih maju ke hadapan dalam perkembangan ekonominya (Kuratko 2009; Frederick, O'Connor & Kuratko, 2013; Armanurah, 2014).

Realiti yang berlaku di Malaysia bidang keusahawanan hanya menjadi popular dan terkenal ekoran proses penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam rancangan Malaysia Ke-2 (1971-1975) yang dilancarkan pada tahun 1971. Dasar Ekonomi Baru (DEB), (1971-1975), Dasar Pembangunan Nasional (DPN), 1991-2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN), 2001-2010 telah menekankan pentingnya pembangunan aktiviti keusahawanan untuk mencapai matlamat pembangunan dan peningkatan Negara maju (Armanurah, 2014). Dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (2001-2005), salah satu daripada cabaran untuk mencapai Wawasan

2020 yang digariskan ialah usaha membina sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya maju dan berdaya saing. Selain itu, kerajaan juga telah memberi penekanan tentang kepentingan peranan institusi pendidikan tinggi dalam pembangunan keusahawanan dan pembangunan sumber manusia umumnya bagi mencapai dasar dan matlamat pembangunan negara (Armanurah, 2014). Usaha-usaha untuk membangunkan generasi usahawan yang melaksanakan aktiviti keusahawanan ini telah diteruskan melalui pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Ayat-ayat al-Qur'an juga banyak menyentuh tentang aktiviti keusahawanan. Hal ini jelaslah bahawa aktiviti keusahawanan adalah suatu pekerjaan yang digalakkan dalam Islam. Mencari keuntungan atau kekayaan bukanlah suatu halangan dalam Islam malahan dituntut agar orang Islam tidak meminta-minta di kemudian hari. Daripada az-Zubair bin al-Awwam r.a. daripada Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila salah seorang daripada kalian membawa tali, lalu pergi mencari kayu bakar untuk kemudian dijualnya, maka Allah SWT akan memelihara wajahnya. Hal itu lebih baik daripada meminta-minta kepada orang baik diberi ataupun tidak.”
(Hadis Riwayat al-Bukhari, No, 1471, Kitab Zakat, Bab Menjaga Diri Agar Tidak Meminta-Minta)

Hadis tersebut menerangkan bahawa Islam menuntut ummatnya berusaha dalam melakukan sesuatu perkara terutamanya dalam konteks keusahawanan. Usaha yang baik akan menghasilkan perkara yang baik dan menguntungkan. Islam juga melarang manusia daripada melakukan perkara meminta-minta daripada sesiapa pun. Seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesiapa yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah SWT sebagai pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya ke jalan Allah SWT), maka Allah SWT akan melipatgandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak, dan Allah SWT menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepadaNya kamu dikembalikan.”

(Terjemahan surah al-Baqarah, 2: 245)

Menurut tafsiran Ibnu Kathir (1301-1373), Allah SWT menganjurkan kepada hamba-hambanya-Nya untuk berinfak pada jalan Allah SWT. Ibnu Abi Hatim meriwayatkan daripada ‘Abdullah bin Mas’ud, ia bercerita bahawa, ketika turun ayat tersebut, Abu Dahdah al-Anshari bertanya: *“Ya Rasulullah, apakah jalan Allah SWT mengharapkan pinjaman daripada kita?”* *“Ya, wahai Abu Dahdah,”* jawab Rasulullah SAW. Kemudian Rasulullah SAW menghulurkan tangannya dan Abu Dahdah berkata: *“Sesungguhnya aku akan meminjamkan kepada Tuhanku kebunku.”* Ibnu Mas’ud melanjutkan, kemudian Abu Dahdah datang dan memanggilnya: *“Hai Ummu Dahdah.”* *“Labbaik,”* jawabnya. Dia berkata: *“Keluarlah, kerana aku telah meminjamkannya kepada Tuhanku.”* Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibnu Mardawaih. Firman-Nya yang bermaksud *“Pinjaman yang baik.”* Diriwayatkan oleh ‘Umar dan ulamak Salaf lainnya, iaitu infak di jalan Allah SWT ada juga yang mengatakan, iaitu pemberian nafkah kepada keluarga. Tetapi ada juga yang berpendapat, iaitu tasbih dan *“taqdis”* (penyucian). Firman-Nya bermaksud *“Maka Allah SWT akan melipatgandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak.”* Hal ini seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah SWT adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah SWT melipatgandakan (pahala) bagi sesiapa yang dikehendaki. Dan Allah SWT Maha Luas (kurniaanya) lagi Maha Mengetahui.”

(Terjemahan surah Al-Baqarah: 261)

Firman Allah SWT yang selanjutnya bermaksud: *“Dan Allah SWT menyempitkan dan melapangkan (rezeki).”* Ertinya, berinfaklah dan janganlah kalian pedulikan,